

DECLARATION AND AGREEMENT

By signing this application, I hereby:-

- (1) represent and warrant that I have voluntarily provided my personal data to OCBC Bank (Malaysia) Berhad ("OCBC") and I consent to OCBC to process my personal data to evaluate my application for the credit card(s) applied for, that all information provided by me in this application is true and complete and I undertake to notify OCBC immediately if there is any change in such information;
- (2) represent and warrant that I have read OCBC's Privacy Policy posted at OCBC's website and confirm that I have been notified of the following matters via the Privacy Policy:-
 - (a) that OCBC may collect my personal data directly from me or from third party sources;
 - (b) purpose for which my personal data is collected;
 - (c) my right to access my personal data and correct my personal data;
 - (d) the class of third parties to whom OCBC may disclose my personal data;
 - (e) the choices and means for limiting the processing of my personal data;
 - (f) whether the personal data requested is obligatory or voluntary, and if obligatory, the consequences for not providing such data;
 - (g) to update my personal data as soon as there are changes; and
 - (h) OCBC's contact details if I wish to make inquiries or give feedback;
- (3) I consent to and authorize OCBC to conduct credit checks and verify information given by me to OCBC, with any party (including without limitation Bank Negara Malaysia, Central Credit Reference Information System (CCRIS), any credit bureau, organization or corporation set up for the purposes of collecting and providing credit or other information). I irrevocably grant consent to the relevant credit reporting agency(ies) (as defined under the Credit Reporting Agencies Act, 2010) ("CRAs") with whom OCBC conducts credit checks to disclose my credit report / information to OCBC for the purpose of my application herein and for OCBC's risk management and review. OCBC is hereby authorised but is under no obligation to convey my consent and the purpose of such disclosure to the relevant credit reporting agency(ies);
- (4) declare that I am not an undischarged bankrupt and there has been no legal proceeding for payment of debt commenced or instituted against me and there has been no judgement for payment of debt entered against me;
- (5) confirm that none of my spouse(s), parents and/or child/children is/are employees of OCBC;
- (6) agree that if my application is successful, OCBC may process my personal data as required for the bank-customer relationship and the use of the credit card(s) is subject to OCBC Cardmember's Agreement and a copy of which is available upon request and which will be sent to me with the credit card(s);

- (7) agree that as the Principal Cardmember, I agree to be liable for all transactions charged to the Principal and Supplementary credit card(s) which are issued while each Supplementary Applicant shall be liable for all transactions charged to his Supplementary credit card;
- (8) confirm and acknowledge that OCBC shall have the absolute right to approve or reject the application or offer an alternative credit card(s) (where applicable) without having to disclose any reasons whatsoever;
- (9) agree that if my application is unsuccessful, OCBC may retain my data for handling enquiries, audit or legal proceedings;
- (10) agree that the minimum amount assignable to each Supplementary credit card is RM1,000, that usage of the Supplementary credit card(s) will be monitored by OCBC on a best effort basis so that amounts incurred from time to time are within the stipulated limit, subject to OCBC's right to allow excesses at OCBC's absolute discretion as provided for in the OCBC Cardmember's Agreement and the periodical billed amount incurred by the Supplementary Cardmember may exceed the monitoring limit.

PENGISYTIHARAN DAN PERJANJIAN

Dengan menandatangani permohonan ini, saya dengan ini;-

- (1) mewakili dan memberi jaminan bahawa saya telah secara sukarela memberi data peribadi saya kepada OCBC Bank (Malaysia) Berhad ("OCBC") dan saya mengizinkan OCBC untuk memproses data peribadi bagi tujuan penilaian permohonan kad(-kad) kredit saya, dan bahawa semua maklumat yang diberikan oleh saya dalam permohonan ini adalah benar serta lengkap dan saya berjanji untuk memberitahu OCBC serta-merta jika terdapat sebarang perubahan maklumat;
- (2) mewakili dan memberi jaminan bahawa saya telah membaca Polisi Privasi OCBC yang dipaparkan dalam laman web dan saya mengesahkan bahawa saya telah sedia maklum mengenai perkara-perkara berikut melalui Polisi Privasi:-
 - (a) bahawa OCBC boleh mengambil data peribadi saya secara terus atau daripada pihak ketiga;
 - (b) tujuan data peribadi saya diambil;
 - (c) saya berhak untuk mengakses dan membetulkan data peribadi saya;
 - (d) kelas pihak ketiga di mana OCBC boleh mendedahkan data peribadi saya;
 - (e) pilihan dan cara-cara untuk mengehadkan pemprosesan data peribadi saya;

- (f) samada data peribadi yang diminta merupakan obligasi atau sukarela, dan kesan-kesan jika data obligasi tidak diberikan.
 - (g) untuk mengemaskini data peribadi saya dengan segera jika ada perubahan; dan
 - (h) maklumat hubungan OCBC jika saya ingin membuat pertanyaan atau memberi maklumbalas;
- (3) Saya mengizinkan dan memberi kuasa kepada OCBC untuk menjalankan semakan kredit dan mengesahkan maklumat saya yang diberikan kepada OCBC, dengan mana-mana pihak (termasuk tanpa had Bank Negara Malaysia, Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS), mana-mana biro kredit, organisasi atau syarikat yang ditubuhkan bagi tujuan mengumpul dan menyediakan kredit atau maklumat lain). Saya dengan ini memberi keizinan kepada agensi pelaporan kredit (seperti dinyatakan di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit, 2010) (CRA) yang menjalankan pemeriksaan kredit bagi pihak OCBC untuk mendedahkan laporan/maklumat kredit saya kepada OCBC untuk tujuan permohonan saya ini dan untuk kegunaan dan semakan pengurusan risiko OCBC. Dengan ini OCBC adalah diberi kuasa tetapi tiada obligasi untuk menyampaikan keizinan saya dan tujuan pendedahan kepada agensi pelaporan kredit yang berkaitan.
- (4) mengisytiharkan bahawa saya tidak berstatus muflis dan tiada prosiding undang-undang untuk pembayaran hutang yang disabitkan atau dikenakan terhadap saya dan tiada penghakiman untuk membayar hutang dibuat terhadap saya;
- (5) mengesahkan bahawa saya tiada pasangan, ibu bapa dan/atau anak yang menjadi kakitangan OCBC;
- (6) bersetuju bahawa jika permohonan saya berjaya, OCBC boleh memproses data peribadi saya seperti yang diperlukan untuk perhubungan di antara bank-pelanggan dan penggunaan kad(-kad) kredit adalah tertakluk kepada Perjanjian Ahli Kad OCBC berserta salinan atas permintaan yang akan dihantar kepada saya bersama kad(-kad) kredit.
- (7) bersetuju bahawa sebagai Ahli Kad Utama, saya bersetuju untuk bertanggungjawab terhadap semua transaksi yang dicaj ke dalam kad(-kad) kredit Utama dan Tambahan yang dikeluarkan manakala setiap Pemohon Kad Tambahan akan bertanggungjawab terhadap semua transaksi yang dicaj ke dalam kad kredit Tambahan;
- (8) mengesahkan dan mengakui bahawa OCBC mempunyai hak mutlak untuk meluluskan atau menolak permohonan atau menawarkan kad(-kad) kredit alternatif (yang berkaitan) tanpa perlu mendedahkan apa-apa sebab sekalipun;
- (9) bersetuju jika permohonan saya tidak diluluskan, OCBC boleh menyimpan data saya untuk tujuan pertanyaan, audit atau prosiding undang-undang;

- (10) bersetuju bahawa amaun minimum yang ditetapkan untuk setiap kad kredit Tambahan ialah RM1,000. Penggunaan kad(-kad) kredit Tambahan akan dipantau oleh OCBC dengan sebaiknya supaya jumlah yang perlu dibayar dari semasa ke semasa adalah dalam lingkungan yang ditetapkan, namun ia tertakluk kepada hak dan budi bicara mutlak OCBC untuk membenarkan penggunaan melebihi had sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perjanjian Ahli Kad OCBC dan amaun bil berkala yang ditanggung oleh Ahli Kad Tambahan boleh melebihi had pemantauan OCBC.